

Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia

Levels of Primary School's Teacher Professionalism In Peninsular Malaysia

Mohd Aizat Abu Hassan^{1*} & Kamarudin Musa²

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim,
Perak, Malaysia q000624@siswa.upsi.edu.my

²Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim,
Perak, Malaysia kamarudin@fpe.upsi.edu.my

Received: 26 April 2020; Accepted: 31 May 2020; Published: 05 June 2020

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap profesionalisme guru berdasarkan empat dimensi iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi, dan kewajipan dan hubungan kerja di luar kelas di sekolah rendah di semenanjung Malaysia. Responden kajian terdiri daripada 384 guru sekolah yang dipilih secara rawak. Untuk mendapatkan data, borang soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data daripada guru di Semenanjung Malaysia. Data akan dianalisis bagi mendapatkan min bagi setiap item untuk diinterpretasi sama ada rendah, sederhana atau tinggi. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap amalan profesionalisme guru adalah tinggi. Kajian ini dapat membantu pihak yang berkaitan untuk melihat tahap profesionalisme di kalangan guru di Semenanjung Malaysia.

Kata kunci: Guru Sekolah Rendah, Semenanjung Malaysia, Profesionalisme Guru

Abstract

The purpose of this study was to identify four levels of teacher professionalism, namely teacher character, commitment to change and continuous improvement, knowledge of subject and pedagogy, and off-the-job duties and relationships in primary schools across Peninsular Malaysia. The study respondents consisted of 384 randomly selected school teachers. For data collection, questionnaires used to collect data from teachers in Peninsular Malaysia. Data will be analyzed to obtain the mean of each item to interpreted as low, medium or high. The findings of the study overall show that the level of practice of teacher professionalism is high. This study will help relevant parties to see the level of professionalism among teachers in Peninsular Malaysia.

Keywords: Primary School Teachers, Peninsular Malaysia, Teacher Professionalism

PENGENALAN

Perkembangan di zaman globalisasi yang sangat pesat dan dinamik menyebabkan tuntutan peningkatan mutu pendidikan di Malaysia. Pendidikan adalah sektor yang sangat penting dalam menentukan kualiti masyarakat Malaysia (Samruhaizad & Azahan, 2017). Oleh itu, peranan sekolah bukan sahaja berkisar mengenai memajukan aspek kognitif murid-murid, tetapi juga berperanan penting sebagai agensi untuk melahirkan murid-murid yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Perubahan tugas yang dinamik dan mendadak menuntut guru-guru bagi mempersiapkan diri dengan lebih utuh bagi menjadi agen kepada perubahan sistem pendidikan di Malaysia. Guru merupakan suri teladan dalam memastikan kemenjadian murid-murid di sekolah terutamanya di peringkat awal di sekolah kebangsaan. Untuk memastikan guru-guru berkualiti dan

berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah adalah melalui peningkatan profesionalisme guru. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia telah menggariskan sebuah piawaian atau standard iaitu Standard Guru Malaysia (SGM) pada tahun 2009 melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG).

Ini selaras dengan cita-cita Malaysia terhadap pembangunan modal insan kelas pertama dengan bina upaya merupakan pendekatan utama ke arah mencapai status negara maju (BPG, 2009). Kebanyakan apa yang berlaku pada dasar dan kajian dalam pendidikan di Malaysia mempunyai kesan mendalam terhadap amalan pendidikan dan lebih-lebih lagi pada kedudukan guru. Dasar pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan perubahan pendidikan di seluruh dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. PPPM 2013-2025 menjadi rujukan dan panduan kepada pendidikan di Malaysia, PPPM menjadikan budaya kecemerlangan merupakan aspek yang perlu dicapai oleh kesemua sekolah di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Oleh itu antara kaedah untuk memastikan budaya kecemerlangan ini berkembang ialah peningkatan profesionalisme dalam kalangan guru, peningkatan profesionalisme adalah proses utama dalam bagi meningkatkan standard serta kapasiti pertumbuhan dengan meningkatkan dasar dan amalan di semua bidang penyediaan perkhidmatan awam, termasuk pendidikan (Evans, 2008)

PERNYATAAN MASALAH

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan langkah Malaysia dalam membuat transformasi pendidikan yang melibatkan perubahan secara besar-besaran yang memerlukan guru-guru untuk menjadi agen yang membantu peningkatan kualiti pendidikan di Malaysia. Guru-guru merupakan salah satu faktor utama yang membantu proses perubahan yang sedang berlaku kini, namun jika kualiti dan profesionalisme guru berada pada tahap yang rendah akan membantutkan serta melambatkan perubahan. Ini kerana pendidikan sentiasa berada dalam persekitaran dinamik yang sentiasa mengalami perubahan dan ini akan mempengaruhi tahap profesionalisme guru (Yusuf Ahmad, 2008).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di semenanjung Malaysia berdasarkan empat dimensi, iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti tahap amalan profesionalisme guru berdasarkan empat dimensi, iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas.


SOALAN KAJIAN

Apakah tahap amalan profesionalisme guru berdasarkan empat dimensi, iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas?

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan model empat dimensi Profesionalisme Guru iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Tichenor dan Tichenor (2009).

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



SOROTAN LITERATUR

Profesionalisme merujuk kepada kebertanggungjawaban, tahap kecekapan, dan tanggungjawab yang harus dipegang oleh seorang profesional (Parr, 2004). Dalam bidang perguruan, Robiah (2002) menjelaskan bahawa profesionalisme dikaitkan dengan amalan kerja yang berkualiti, bermoral, dan beretika. Amalan kerja profesional merangkumi tingkah laku profesional seperti komitmen dan kepatuhan terhadap keperluan etika, merenungkan tugas mengajar, dan kesediaan untuk belajar dan berkembang secara berterusan. Ini juga meliputi penglibatan aktif dan proaktif dalam mempromosikan profesionalisme guru, seperti terlibat dalam reformasi atau perubahan pendidikan, pengakuan guru, persijilan, pengurusan, dan pengurusan profesional, seperti dalam menentukan syarat atau kriteria untuk bekerja dalam profesion perguruan atau perguruan. Banyak kajian yang dijalankan mengenai pembelajaran guru profesional (O'Brien, 2016). Bagi kebanyakan guru, prinsip dapat lebih luas dan terkandung dalam tujuan dan pernyataan misi sekolah (O'Sullivan & West-Burnham, 2011).

Profesionalisme guru merupakan sebuah bidang kajian yang berkaitan dengan standard atau piawaian dalam pengajaran ke arah yang lebih baik dan dalam banyak kajian dan tinjauan pustaka menunjukkan terdapat hubungan langsung antara 'budaya profesional' dan 'profesionalisme'. Untuk memahami profesionalisme guru, ia merupakan perkara yang melebihi daripada budaya iaitu seperti berkongsi idea, kefahaman tugas mengajar dan kesedaran yang mendalam mengenai norma-norma profesionalisme di dalam tugas. Terdapat banyak definisi yang berkaitan dengan istilah 'profesional' dalam bidang pendidikan termasuk menjadi profesional, memiliki atau menunjukkan budaya profesionalisme, tenaga kerja profesional, dan terlibat dalam pembangunan profesional. (Evans, 2008; Dalli & Urban, 2013).

Bidang perguruan di Malaysia mempunyai kod etika pengajarannya, seperti yang digariskan dalam Kod Profesional Pengajaran Malaysia (KPM, 2016). Kod etika pengajaran menggariskan tanggungjawab dan tanggungjawab guru kepada pelajar, ibu bapa, masyarakat, dan negara, rakan mereka, dan kerjaya pengajaran mereka. Sebagai profesional, guru perlu mempunyai kualiti dan kualiti peribadi, sosial, dan profesional seperti adil, ramah, tegas, berdedikasi, bertoleransi, peka, inovatif, dan sebagainya. Guru juga perlu bertanggungjawab terhadap tingkah laku, pengetahuan, kemahiran, pelajar, ibu bapa, pendidikan, dan negara (Amir Hasan, 2009). Pengamalan nilai-nilai profesionalisme dalam profesion keguruan Profesion Perguruan Malaysia secara keseluruhannya bertujuan untuk melahirkan warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan yang menyedari pentingnya memperjuangkan kebenaran dan mencapai aspirasi tinggi. Guru mesti

mempercayai prinsip-prinsip “Rukun Negara”, prinsip demokrasi, dan kebebasan individu. Ini kerana masyarakat akan dapat menolong orang muda memahami budaya, memperoleh pengetahuan yang telah terkumpul dari masa ke masa, dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran masa depan melalui dunia pendidikan. Menyedari pentingnya mengajar anak muda untuk mencapai kemajuan, guru perlu menerima etika seorang guru sebagai panduan untuk membolehkan mereka berjaya dalam profesion untuk mencapai tahap pencapaian yang tinggi (KPM, 2016).

Jadual 1 menunjukkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan profesionalisme guru yang dijalankan oleh pengkaji tempatan di Malaysia.

Jadual 1: Kajian-kajian Lepas Profesionalisme Guru

Bil.	Dapatan Kajian	Pengkaji
1	Guru pelatih menunjukkan tahap profesionalisme berdasarkan persepsi pentadbir sekolah berada pada tahap sederhana.	Nadia Farhana (2008)
2	Kajian menunjukkan profil guru Pendidikan Islam MRSM Kuching mempunyai tahap profesionalisme yang rendah berbanding profil guru Pendidikan Islam MRSM keseluruhan.	Syed Najmuddin, Ab. Halim, Isahak & Mohd. Sabri (2009)
3	Bakal-bakal guru mempunyai tahap profesionalisme guru berada pada tahap sederhana berdasarkan Standard Guru Malaysia.	Hafizoh & Rohana (2012)
4	Kajian tahap profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina adalah pada tahap yang tinggi dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepimpinan guru.	Yusof & Mei Hung (2018)

Empat dimensi model Profesionalisme Guru berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tichenor dan Tichenor (2009). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat dimensi dan Model Profesionalisme Guru ini sesuai untuk konteks penyelidikan di Malaysia adalah seperti jadual 2.

Jadual 2: Dimensi-dimensi Profesionalisme Guru

Bil.	Dimensi	Penerangan
1	Watak guru.	Ciri watak guru memainkan peranan dalam mempengaruhi bagaimana kepercayaan dan persepsi di tempat kerja guru dikaitkan (Collie, Shapka, Perry & Martin, 2016)
2	Komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan.	Mana-mana profesional untuk bertahan dan maju dalam bidang mereka, sangat penting bagi mereka untuk memastikan perkembangan profesionalisme (Mabagala, 2013).
3	Pengetahuan subjek dan pedagogi.	Pengetahuan subjek adalah pengetahuan dan pemahaman subjek itu sendiri. Pengetahuan pedagogi iaitu pengetahuan tentang cara menerapkan subjek ketika mengajarnya (Shulman, 1986).
4	Tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas.	Ganjaran, pengembangan kerjaya, pendidikan dan latihan, serta sumber pembelajaran (Hasan, 2015)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif merupakan analisis statistik yang mengukur atau mengira maklum balas, dan secara statistik bagi menerangkan masalah kajian berkaitan hubungan, penyebab, kesan dan mendapat data min yang tepat tentang responden dan hasil dapatan boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi (Ary, Jacobs, Razavieh, & Sorensen, 2010; Nardi, 2018). Menurut Ary et. al (2010) kajian kuantitatif mempunyai sorotan penulisan,

pembangunan instrumen, pengumpulan data, analisis data dan kesimpulan. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data, soal selidik amat sesuai untuk responden yang boleh membaca, untuk mengukur sikap dan pendapat orang, dan untuk mendapatkan bilangan yang sangat besar responden terlalu sukar dan memakan masa untuk melihat dengan kaedah kualitatif (Nardi, 2018).

Bagi menjalankan kajian, soal selidik diadaptasi daripada kajian terdahulu iaitu daripada kajian Tichenor dan Tichenor (2009) yang mempunyai 51 item. Setiap dimensi diwakili di antara 11 hingga 15 item iaitu 15 item untuk watak guru, 11 item untuk dimensi komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, 13 item untuk pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan 12 item untuk tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas. Kajian ini menggunakan skala likert enam mata bagi mengelakkan responden memberi jawapan “neutral” dan ini kerana apabila responden tidak bermotivasi mereka mungkin akan memilih pilihan berkecuali atau neutral (Johns, 2005). Bagi memastikan soal selidik yang digunakan benar-benar mengukur apa yang sepatutnya, kesahan muka, kesahan kandungan serta kesahan konstruk dijalankan (Ghazali & Sufean, 2016).

Guru-guru yang mengajar sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di Semenanjung Malaysia merupakan populasi untuk kajian ini. Guru sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dipilih untuk kajian ini kerana guru sekolah rendah penting terhadap perkembangan program pendidikan sesebuah negara (Uwaimeye & Onyewadume, 2001). Kajian ini melibatkan seramai 178,498 orang guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah yang dinyatakan. Pengkaji mengedarkan soal selidik menerusi medium laman sosial, e-mel serta aplikasi berbual. Menurut Krejcie & Morgan (1970) seramai 384 orang responden diperlukan untuk populasi yang melebihi 75,000 orang.

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menginterpretasikan tahap Profesionalisme Guru. Tahap profesionalisme guru ini dinilai berdasarkan empat dimensi Profesionalisme Guru iaitu watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas. Bagi menjawab persoalan kajian iaitu tahap profesionalisme guru di sekolah kebangsaan di semenanjung Malaysia akan dianalisis dan diinterpretasikan dalam bahagian ini. Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, skala skor min seperti Jadual 3 digunakan.

Jadual 3: Skala skor min dan interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.50	Rendah
2.51 – 4.50	Sederhana
4.51 – 6.00	Tinggi

Sumber: Abu Hassan, Rabbani, Mohamad Shukor & Abdul Majid (2018).

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan hasil analisis data kajian yang meliputi profil responden serta dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian iaitu tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di semenanjung Malaysia.

Tahap Profesionalisme Guru Berdasarkan Dimensi

Analisis deskriptif dari jadual 4,5,6 dan 7 akan mengenal pasti tahap profesionalisme guru berdasarkan watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas dan ini bagi menjawab persoalan kajian.

Jadual 4: Dimensi watak guru

Item	Min	SP
Berpakaian dengan kemas.	5.39	0.79
Mempamerkan keyakinan.	5.35	0.72
**Menunjukkan sikap positif setiap hari.	5.47	0.71
Menghormati murid-murid dan idea mereka.	5.39	0.71
Menetapkan standard yang tinggi untuk diri sendiri dan murid-murid.	5.46	0.66
Meletakkan kebajikan murid-murid sebelum kepentingan peribadi.	5.02	0.92
*Bersemangat untuk mengajar.	4.93	0.94
Berkelakuan dengan beretika di dalam dan luar sekolah.	5.41	0.71
Menganggap pendidikan murid-murid sebagai tugas utama.	5.44	0.68
Mempamerkan tanggungjawab peribadi untuk kualiti pengajaran sendiri.	5.23	0.74
Seorang yang fleksibel apabila bekerja dengan murid-murid dan / atau guru.	5.10	0.82
Sentiasa tenang dalam semua situasi yang berkaitan dengan sekolah.	5.12	0.81
Tidak sabar untuk datang ke sekolah setiap hari.	5.27	0.71
Memaparkan kreativiti ketika bekerja dengan murid-murid.	5.20	0.78
Melihat diri sebagai pelajar sepanjang hayat.	5.34	0.71
Tahap profesionalisme	5.27	0.76

Jadual 4 menunjukkan tahap profesionalisme guru berdasarkan dimensi watak guru, secara keseluruhan dimensi ini menunjukkan guru-guru mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Nilai min untuk kesemua item di antara 4.93 hingga 5.47. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah “menunjukkan sikap positif setiap hari” iaitu 5.47. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah “bersemangat untuk mengajar” iaitu 4.93.

Jadual 5: Dimensi komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan

Item	Min	SP
Memilih strategi pengajaran berdasarkan amalan terbaik dalam pendidikan dan penemuan kajian terkini.	5.33	0.76
**Mendedikasikan diri untuk mengajar sebagai kerjaya sepanjang hayat.	5.68	0.61
Membuat penyampaian di seminar, bengkel, dan / atau persidangan.	5.56	0.69
Secara aktif mencari peluang pembangunan profesional.	5.53	0.66
Bereksperimen dengan amalan pengajaran yang inovatif	5.34	0.70
Memulakan program baharu dalam bilik darjah untuk meningkatkan pembelajaran murid-murid.	5.37	0.66
Cakna dengan trend sosial dan politik semasa yang mempengaruhi pendidikan.	5.23	0.87
Kekal dalam bidang sendiri dengan membaca jurnal dan / atau menghadiri persidangan dan bengkel.	4.95	0.95
*Kerap memerhatikan guru lain untuk memperbaiki pengajaran sendiri.	4.91	1.09
Menerima idea dan perubahan baru.	5.30	0.75
Terlibat dalam penyelidikan guru atau kajian tindakan untuk meningkatkan amalan sendiri.	5.27	0.77
Tahap profesionalisme	5.32	0.77

Jadual 5 menunjukkan tahap profesionalisme guru berdasarkan dimensi komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, secara keseluruhan dimensi ini menunjukkan guru-guru mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Nilai min untuk kesemua item di antara 4.91 hingga 5.68. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah “mendedikasikan diri untuk

mengajar sebagai kerjaya sepanjang hayat” iaitu 5.68. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah “kerap memerhatikan guru lain untuk memperbaiki pengajaran sendiri” iaitu 4.91.

Jadual 6: Dimensi pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab

Item	Min	SP
Mengajar dengan kaedah yang sesuai dengan perkembangan semasa.	5.22	0.78
Fahami bagaimana mata pelajaran akademik berkait dengan mata pelajaran lain.	5.25	0.73
Memahami keperluan perkembangan kanak-kanak.	5.24	0.71
**Membuat keputusan dalam bilik darjah berdasarkan keperluan murid-murid.	5.27	0.72
*Mengetahui serta menerapkan teori perkembangan dan pembelajaran manusia.	4.88	0.90
Menjauhi perbuatan memalukan murid-murid.	5.18	0.72
Melakukan refleksi sendiri dan menganalisis pengajaran sendiri.	5.25	0.72
Kerap menilai pilihan dan tindakan sendiri di dalam bilik darjah.	5.16	0.86
Memiliki pengetahuan kandungan yang luas dalam bidang yang disijilkan.	5.04	0.87
Menyediakan semua murid dengan peluang pembelajaran yang adil	5.08	0.82
Mempunyai pengetahuan pedagogi yang luas.	5.11	0.74
Mempertimbangkan semua aspek murid-murid.	5.11	0.73
Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid	4.94	0.92
Tahap profesionalisme	5.13	0.79

Jadual 6 menunjukkan tahap profesionalisme guru berdasarkan dimensi pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab, secara keseluruhan dimensi ini menunjukkan guru-guru mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Nilai min untuk kesemua item di antara 4.88 hingga 5.27. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah “membuat keputusan dalam bilik darjah berdasarkan keperluan murid-murid” iaitu 5.27. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah “mengetahui serta menerapkan teori perkembangan dan pembelajaran manusia” iaitu 4.88.

Jadual 7: Dimensi tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas

Item	Min	SP
Merupakan suri teladan yang positif untuk murid dan guru.	5.16	0.76
**Berkhidmat sebagai rujukan awam dalam bidang pendidikan.	5.38	0.72
Secara aktif menyertai jawatankuasa-jawatankuasa di sekolah dan/atau bersama-sama membuat keputusan bagi sekolah.	5.29	0.79
Berkongsi idea dan strategi mengajar dengan guru lain.	5.35	0.72
Mewujudkan hubungan mesra dan bekerjasama dengan ibu bapa.	5.27	0.81
Bekerjasama dengan guru lain untuk kepentingan murid-murid.	5.21	0.78
Menghormati guru lain dan pihak pentadbir.	5.26	0.74
Membantu memupuk persekitaran kerja yang positif di sekolah.	5.21	0.75
Berbincang mengenai falsafah pengajaran dengan guru lain.	5.16	0.84
*Seorang mentor atau bersedia menjadi mentor kepada guru baru dan berpengalaman.	4.98	0.87
Aktif dalam organisasi profesional perguruan.	5.10	0.83
Mengambil bahagian dalam pembangunan kurikulum.	5.23	0.73
Tahap profesionalisme	5.22	0.78

Jadual 7 menunjukkan tahap profesionalisme guru berdasarkan dimensi tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas, secara keseluruhan dimensi ini menunjukkan guru-guru mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Nilai min untuk kesemua item di antara 4.98 hingga 5.38. Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah “berkhidmat sebagai rujukan awam dalam bidang pendidikan” iaitu 5.38. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah “seorang mentor atau bersedia menjadi mentor kepada guru baru dan berpengalaman” iaitu 4.98.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan guru-guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan ini selari dengan kajian Yusof et. al (2018) manakala berbeza dengan dapatan kajian oleh Nadia Farhana (2008), Syed Najmuddin et. al (2009) dan Hafizoh et. al (2012) yang mendapati profesionalisme guru-guru pada tahap rendah dan sederhana. Kajian lanjutan perlu dijalankan bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi tahap profesionalisme guru-guru. Pada dapatan kajian, didapati dimensi komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan menunjukkan min yang paling tinggi berbanding keempat-empat dimensi yang lain. Ini menggambarkan bahawa guru-guru menunjukkan komitmen untuk berubah dan meningkatkan profesionalisme mereka ke tahap yang lebih baik. Manakala dimensi pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab berada pada tahap terendah berbanding dimensi-dimensi yang lain. Walau bagaimanapun nilai min menunjukkan pada nilai interpretasi yang tinggi dan menunjukkan guru-guru menguasai subjek masing-masing dan ilmu mempunyai ilmu pedagogi untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik.

Oleh itu, guru-guru perlu bertanggungjawab dalam mempertingkatkan serta memperkembangkan semua dimensi-dimensi Profesionalisme Guru melalui pelbagai cara sama ada yang disediakan oleh pihak sekolah, KPM atau melalui usaha sendiri. Peningkatan profesionalisme guru di sekolah kebangsaan memerlukan proses dan masa. Walaupun dapatan kajian menunjukkan guru-guru mempunyai amalan profesionalisme yang tinggi, guru-guru perlu kekal dinamik bagi memastikan mereka kekal profesional. Oleh itu, dicadangkan guru besar, barisan penolong kanan dan ketua panitia harus sentiasa melaksanakan intervensi di dalam sekolah mereka bagi mengatasi sebarang masalah yang boleh menyebabkan tahap profesionalisme guru terganggu. Diharapkan kajian ini dapat menyediakan maklumat dan rujukan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

RUJUKAN

- Abu Hassan, M. A., Rabbani, M. F., Mohamad Shukor, M. E., & Abdul Majid, M. M. (2018). Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 7, 188 - 196. Retrieved from <http://202.45.132.61/index.php/MRJ/article/view/1479>
- Amir Hasan Dawi. (2009). *Sekolah dan masyarakat*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Ary, D., Jacobs. L. C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to Research in Education* (8th ed). California: Wadsworth.
- Bahagian Pendidikan Guru (BPG). (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Collie, R. J., Shapka, J. D., Perry, N. E., & Martin, A. J. (2016). Teachers' psychological functioning in the workplace: Exploring the roles of contextual beliefs, need satisfaction, and personal characteristics. *Journal of Educational Psychology*, 108(6), 788–799. doi: 10.1037/edu0000088
- Dalli, C., & Urban, M. (2013). Introduction In C. Dalli & M. Urban (Eds.), *Professionalism in Early Childhood education and care: International Perspectives* (pp. 1-4). London UK: Taylor & Francis.

- Evans, L. (2008). Professionals, professionalism and the development of education professionals. *British Journal of Educational Studies*, 56(1), 20-38
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasan Tanang. (2015). *Teacher Professionalism and Professional Development Practices in South Sulawesi Indonesia* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.
- Johns, R. (2005). One size doesn't fit all: Selecting response scales for attitude items. *Journal of Elections, Public Opinion & Parties*, 15, 237-264. doi: 10.1080/13689880500178849
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities Robert. *Educational and Psychological Measurement*, 38(1), 607-610. <http://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mabagala, S. (2013). *Professional Ethics in Education: Teachers Knowledge, Compliance and Ethical Dilemmas*. Saarbrücken: LAP LAMBERT Academic Publishing.
- Nadia Farhana. (2008). Persepsi Pentadbir Sekolah terhadap Kualiti Guru Pelatih UTM di Sekolah Sekitar Johor Bahru. (Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia).
- Nardi, Peter. M. (2018). *Doing Survey Research: a guide to quantitative methods*. Oxfordshire: Routledge.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. (2012). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 31-37.
- O'Brien, S. (2016). *A journey inside education: four roads to raise a scholar*. Abingdon: Routledge is an imprint of the Taylor & Francis Group, an Informa business.
- O'Sullivan, H. & West-Burnham, J. (2011) *Leading and Managing Schools*. London: Sage
- Parr, G. (2004). Teacher professionalism: Pessimism and/or possibilities. In *Proceedings of the Australian Association for Research in Education (AARE) Conference*. Melbourne: AARE.
- Robiah Sidin. (2002). *Konsep guru profesional*. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samruhaizad Samian @ Samion & Azahan Awang. (2017). Pendidikan Sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267-280.
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4-14. doi: 10.3102/0013189x015002004
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat, (2009) Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (2). pp. 31-50.
- Tichenor, M & Tichenor, J. (2009). Comparing Teacher and Administrator Perspective on Multiple Dimensions of Teacher Professionalism. *SRATE Journal*, Vol. 18, No. 2. pp. 9-18
- Uwaimeiyi, R and M. A. Onyewadume (2001). Job Satisfaction among Teachers in a Depressed Economy: Status, Challenges and Implications. *Nigerian Journal of Applied Psychology*, Vol. 6, No.2, pp. 168-177.
- Yusof, H., & Mei Hung, C. (2018). Hubungan Profesionalisme Guru dengan Kepimpinan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sarawak. *Management Research Journal*, 7, 1 -12. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/view/1443>
- Yusuf Ahmad. (2008). *Masalah Kesediaan Guru Permulaan: Sekolah Perlu Memainkan Peranan Utama Untuk Menyelesaikannya*. Kedah Darul Aman: Institut Perguruan Sultan Abdul Halim.